

BAB 18

Masyarakat Pasca MSC dalam Konteks Masa Hadapan Malaysia: Menterjemah Retorik Kepada Realiti

*Mohd. Adan Omar, Noraziah Che Pa, & Hazaruddin Harun
Fakulti Teknologi Maklumat*



PENDAHULUAN

Teknologi maklumat dewasa ini telah menjadi sektor yang penting. Tidak hairanlah apabila kebanyakan negara berusaha untuk mewujudkan satu kawasan yang boleh menggerakkan sektor ini sebagaimana kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC). Kewujudan pusat kembangan seumpamanya diharap dapat menjana kemajuan kepada negara dan masyarakat. Masyarakat bermaklumat akan dapat dibentuk dan jurang maklumat di kalangan masyarakat dapat dirapatkan.

Usaha ini tentunya mengambil masa yang panjang kerana ianya mestilah bersifat menyeluruh. Jesteru itu penulis telah memilih satu kumpulan masyarakat yang dinamakan generasi era MSC sebagai objek kupasan.



MSC SEPINTAS LALU

Koridor Raya Multimedia merupakan satu rancangan mega terhadap pembangunan teknologi maklumat dalam negara ini. MSC telah diumumkan pembinaannya pada 1 Ogos 1996. MSC bertindak sebagai pusat pemangkin bagi projek multimedia dengan menjemput perbadanan multimedia bertaraf antarabangsa menjalankan operasinya di negara ini. MSC membawa kepentingan bersama bagi memacu industri teknologi maklumat dan multimedia. Ini selaras dengan era maklumat sekarang yang merupakan aliran global yang mana sesiapa yang dapat menguasai teknologi maklumat akan mendapat kelebihan (Teh *et al*, 1997). Peringkat pertama projek MSC ini telah pun siap pada tahun 1998.

Sesungguhnya rakyat negara ini berbangga dengan kewujudan MSC. Paling tidak mereka mengetahui apa itu MSC. Adalah elok sekiranya projek ini seiring dengan kesediaan masyarakat untuk bersama-sama dalam memacu era maklumat sekarang lebih-lebih lagi bagi generasi muda. Tulisan ini cuba mengupas tahap kesediaan generasi muda khususnya generasi yang dinamakan generasi era MSC terhadap penggunaan teknologi maklumat dalam kehidupan mereka.



MASYARAKAT PASCA MSC

1. Takrifan

Generasi secara ringkasnya merupakan satu kelompok masyarakat yang dikelas-kelaskan mengikut peringkat umur. Untuk lebih mengelaskan terma ini, cuba bayangkan suatu kelompok masyarakat misalnya generasi tua. Ini merujuk kepada satu kelas umur masyarakat yang umurnya melebihi 70 tahun. Mereka ini dikelaskan secara bersama untuk membentuk terma generasi tua.

Untuk tujuan tulisan ini generasi era MSC telah menarik perhatian penulis. Pada tahun 1996, diperhatikan MSC telah mula ditubuhkan dan mula siap pembinaannya secara berperingkat dua tahun kemudian. Bermula dari tarikh tersebut sehingga sekarang bermulalah satu era yang penulis namakan era MSC. Jadi generasi era MSC merupakan satu kelompok masyarakat yang dikelaskan mengikut peringkat umur yang bersamaan dengan penubuhan MSC. Ini bermakna kumpulan masyarakat yang lahir pada tahun 1996 dan tiga tahun selepasnya layak dimasukkan di bawah generasi ini. Kanak-kanak yang berumur 7-10 tahun merupakan generasi yang lahir selepas penubuhan MSC yang membentuk generasi era MSC.

2. Masyarakat Bermaklumat

Masyarakat bermaklumat merupakan satu terma yang merujuk kepada keupayaan suatu masyarakat yang terdiri daripada sekumpulan individu untuk memperolehi maklumat dan menggunakan maklumat tersebut untuk pelbagai kegunaan. Dennis (2001) mendefinisikan masyarakat bermaklumat dengan suatu definisi yang mudah difahami iaitu satu masyarakat yang berupaya untuk mendapat, mencari, menghasil dan berkongsi maklumat sehingga mempunyai kemampuan untuk mentafsir, memahami dan menghayati maklumat untuk meningkatkan keupayaan diri dan akhirnya menyumbang kepada masyarakat melalui aktiviti sosial dan ekonomi.

Narimah dan Musa (2001) pula melihat dari sudut kesediaan masyarakat untuk menggunakan teknologi maklumat berdasarkan empat isu utama seperti pernah mendengar perkataan teknologi maklumat, pernah mengguna komputer, mempunyai komputer bersambung dengan internet di rumah dan pernah mendapat latihan penggunaan komputer. Untuk tujuan kajian tulisan ini penulis hanya melihat dari sudut satu dimensi sahaja iaitu

pernah menggunakan komputer. Ini adalah kerana hanya faktor yang pertama dan faktor ini sahaja yang relevan dengan generasi yang berusia antara 7 –10 tahun.

Beberapa pengkaji cuba untuk mencari ciri-ciri yang boleh mengelaskan suatu masyarakat tersebut sebagai masyarakat bermaklumat atau tidak. Misalnya John (2001) menyenaraikan ciri-ciri masyarakat bermaklumat sebagai mempunyai etika dan moral yang tinggi, kawalan sendiri yang mantap, pengurusan sendiri yang utuh dan berasaskan konsep maruah bangsa. Ciri-ciri ini amat berkaitan dengan masyarakat negara kita yang berpegang kuat pada agama dan adat yang boleh memandu ke atas kawalan moral yang tinggi.

3. Fenomena Jurang Maklumat

Tumpuan terhadap jurang maklumat telah mendapat perhatian yang besar daripada pelbagai pihak baik dari pihak berkuasa mahupun badan-badan bukan kerajaan. Terma jurang maklumat merujuk kepada jurang dalam teknologi komputer secara amnya dan kini dalam teknologi web secara khususnya yang mana perbezaan antara mereka yang mempunyai kemampuan terhadap teknologi dengan mereka yang tidak (Turban *et al*, 2003). Shahabudin (2002) menggambarkan jurang maklumat sebagai akses yang tidak seimbang dalam masyarakat terhadap maklumat/pengetahuan berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi semasa. Keeble dan Loader (2001) mengatakan jurang maklumat merupakan jurang antara mereka yang menggunakan teknologi dan mereka yang tidak.

Salinas (2003) merujuk kepada jurang maklumat sebagai ketidaksamaan antara individu dan masyarakat dalam menggunakan maklumat elektronik dan alatan komunikasi seperti internet untuk kualiti hidup yang lebih baik. Servon (2002) mentakrifkan jurang maklumat sebagai jurang teknologi yang membawa maksud suatu masalah dalam akses dan kebenaran menggunakan komputer dan internet. Sciadas (2003) melihat jurang maklumat dari skop koleksi isu antara negara. Sungguhpun jurang maklumat turut melibatkan antara negara dan negeri, tulisan ini hanya melihat dari sudut yang lebih kecil iaitu antara individu dalam kelompok masyarakat.

4. Kajian Kes Pengalaman Penggunaan Komputer

Kajian ini hanya mengambil satu aspek iaitu pernah menggunakan komputer di rumah. Kajian ini cuba untuk melihat penglibatan keluarga dalam memupuk penggunaan komputer di rumah tidak hanya semata-mata bergantung kepada sekolah. Kajian juga menumpukan kepada generasi yang berumur dalam lingkungan generasi MSC yang telah dibincangkan di atas.


Responden kajian adalah terdiri daripada 77 orang murid lelaki dan perempuan darjah di beberapa buah sekolah yang terdiri daripada dua buah sekolah pekan kecil dan satu sekolah bandar. Rajah di bawah menunjukkan taburan responden.

JADUAL 1: Taburan Responden Kajian

Sekolah	Jantina		Keseluruhan
	Lelaki	Perempuan	
Pekan Kecil	31.4%	68.6%	48.6%
Bandar	40.5%	59.5%	51.4%

Responden di sekolah-sekolah berkenaan telah ditanya tentang pengalaman mereka menggunakan komputer di rumah. Sebahagian besar daripada responden mengakui yang mereka mengenali apa itu komputer, tetapi tidak semuanya pernah menggunakan komputer. Kebanyakan responden iaitu 75% mengatakan yang mereka pernah menggunakan komputer. Perincian mengikut pengalaman pula 40.3% mempunyai pengalaman menggunakan komputer sekurang-kurangnya satu tahun. Penelitian mendapati terdapat di kalangan responden telah didedahkan terhadap penggunaan komputer sejak usia empat tahun lagi iaitu sebanyak 5.6%.


RAJAH 1: Pengalaman Menggunakan Komputer Responden



Sumber: _____

Pecahan mengikut kategori sekolah pula telah menunjukkan bahawa daripada 25% responden yang tidak pernah menggunakan komputer, semuanya datang dari sekolah pekan kecil manakala semua responden sekolah bandar pernah menggunakan komputer. Di kalangan responden sekolah pekan kecil tersebut, 51.4% tidak pernah menggunakan komputer. Tetapi%an mereka yang didedahkan dengan penggunaan komputer seawal umur empat tahun adalah melebihi responden sekolah bandar iaitu 8.6% berbanding 2.7%.

RAJAH 2 : Perbezaan Pengalaman Menggunakan Komputer



Sumber: _____

Daripada maklumat kajian didapati wujudnya jurang maklumat antara dua kelompok generasi era MSC iaitu responden yang berada di bandar dan pekan kecil. Jurang maklumat juga wujud dalam kelompok generasi era MSC pekan kecil di mana separuh daripada mereka tiada pengalaman menggunakan komputer. Jadi menjadi keperluan pihak sekolah untuk mendedahkan generasi ini dengan peralatan teknologi maklumat agar jurang maklumat antara mereka dapat dirapatkan.

5. Generasi Pasca MSC

Menjelang tahun 2020 kita berharap agar dapat menikmati status negara maju. Kemajuan yang diinginkan seharusnya bersifat menyeluruh meliputi semua negeri, daerah, dan kawasan agar masyarakat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik tanpa menjejaskan pegangan agama, budaya dan adat.

Dalam konteks jurang maklumat, seharusnya tidak ada jurang yang besar di kalangan ahli masyarakat. Generasi era MSC pada tahun tersebut berada pada umur yang muda dan bertenaga. Berdasarkan data yang ada, ditambah dengan usaha kerajaan menerusi pelbagai program sekolah bestari, projek internet desa dan kempen satu rumah satu komputer, tidak mustahil jurang maklumat di kalangan ahli masyarakat akan dapat dirapatkan pada masa tersebut.

Bertitik tolak kepada keadaan ini pembentukan masyarakat bermaklumat adalah sesuatu yang tidak mustahil. Lagipun melihat kepada situasi semasa, generasi era MSC ini akan mampu memainkan peranan yang penting kepada kewujudan masyarakat bermaklumat dan seterusnya masyarakat berpengetahuan.



PENUTUP

Pembentukan masyarakat bermaklumat dan seterusnya masyarakat berpengetahuan mempunyai pertalian yang rapat dengan jurang maklumat. Keupayaan untuk merapatkan jurang maklumat antara ahli masyarakat akan membolehkan akses kepada maklumat lebih cepat dan tersedia pada bila-bila masa. Ini membawa kepada pembentukan masyarakat bermaklumat. Pada masa hadapan generasi era MSC ini seharusnya didedahkan dengan akses maklumat yang berkualiti agar dapat menjadi generasi yang gemilang di masa hadapan khususnya di tahun 2020 kelak.

BIBLIOGRAFI

- Dennis, S. (2001). *Europe morphs into knowledge society EC's Liikanen*. Newsbytes. Retrived on 15 Mei 2005, from <http://www.skali.com>.
- John, K.J. (2001). *The Malaysian GEM story: Leapfrogging to a K-Society*. Retrived on 8 Jun 2005, from <http://www.nitc.org.my>
- Keeble, L. & Loader, B. D. 2001. *Community informatics-shaping computer mediated social relations*. Routledge: London.
- Narimah Ismail & Musa Abu Hassan. (2001). *Towards K-Society: Are we ready? INFOSOC 2001*. Anjuran PIKOM, MIMOS dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- Salinas, R. (2003). Addressing the digital divide through collection development. *Collection Building*. *Collection Building*, Vol 22, No 3.
- Sciadas, G. (2003). *Monitoring the digital divide..and beyond*. ITU Meeting. Geneva.
- Servon, L.J. (2002). *Bridging the digital divided technology: Community and public policy*. Blackwell Publishing: New Jersey.
- Shahabudin, S.H. (2002). *Connecting the unconnected: Malaysia Initiative*. WEG Gathering. Kuala Lumpur.
- Teh, H.S., Lai T.K. & Yap, S. S. (1997). *Koridor raya multimedia*. PUC Founder: Kuala Lumpur.
- Turban, E., Rainer, R.K. & Potter, R.E. 2003. *Introduction to information technology*